

SPB DEVELOPMENT BHD

NOTIS PRIVASI

1. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

- 1.1 Notis Privasi ("**Notis**") ini dikeluarkan berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**PDPA**"). Ia menggariskan bagaimana SPB Development Bhd dan kumpulan syarikatnya serta wakil-wakilnya (secara kolektif, **kami**) mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan memproses data peribadi mengikut PDPA.
- 1.2 Tujuan Notis ini ialah, istilah "**Data Peribadi**" hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrifkan dalam PDPA (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa), dan hendaklah termasuk maklumat berkenaan butiran peribadi anda (seperti nama, nombor kad pengenalan, nombor passport, tarikh lahir, umur, jantina, bangsa, kewarganegaraan), butiran hubungan dan sebarang maklumat lain yang berkaitan yang telah anda dedahkan kepada kami yang mungkin dikemaskini dari semasa ke semasa.
- 1.3 Notis ini terpakai kepada mana-mana individu (yang dirujuk sebagai "**anda**") yang memberikan kepada kami atau Data Peribadi mereka yang dikumpul, digunakan atau diproses oleh dan/atau didedahkan kepada kami berkaitan dan/atau untuk tujuan operasi kami.

2. Notis

- 2.1 Notis ini bertujuan untuk memaklumkan anda mengenai perkara berikut:
- (a) apa, bagaimana dan mengapa kami mengumpul, menyimpan, menggunakan, berkongsi dan memproses Data Peribadi anda;
 - (b) hak anda berhubung dengan Data Peribadi yang anda telah bersetuju dengan kami;
 - (c) cara menghubungi kami sekiranya anda mempunyai sebarang permintaan atau aduan; dan
 - (d) langkah-langkah perlindungan data yang telah kami laksanakan.
- 2.2 Notis ini digunakan bersama dengan notis lain, klausa kontrak dan klausa persetujuan yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan, pendedahan dan/atau pemprosesan Data Peribadi anda oleh kami, dan tidak bertujuan untuk mengatasi notis-notis tersebut melainkan kami menyatakan sebaliknya secara jelas.
- 2.3 Dalam urusan anda dengan kami, anda mungkin telah memberikan Data Peribadi anda kepada kami dan dengan ini, anda mengakui dan mengesahkan bahawa Data Peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini kepada kami and juga bersetuju untuk kami mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan memproses Data Peribadi anda. Kami dan/atau pekerja kami ("**Pekerja**") tidak akan bertanggungjawab atas sebarang Data Peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini yang diberikan oleh anda.
- 2.4 Sekiranya anda memberikan apa-apa Data Peribadi yang berkaitan pihak ketiga kepada kami, contohnya maklumat mengenai pasangan, kanak-kanak, ibu bapa, pengarah, pemegang saham dan/atau penjamin (secara kolektif "**Orang Berkaitan**"), anda mewakili dan menjamin bahawa anda telah memperolehi persetujuan Orang Berkaitan untuk memberikan Data Peribadi mereka yang tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini untuk kami mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan memproses Data Peribadi mereka untuk tujuan yang berkaitan.

3. Pengumpulan dan Sumber

- 3.1 Kami mengumpul Data Peribadi anda dengan pelbagai cara, dalam bentuk cetak atau elektronik melalui platform digital dan mudah alih, seperti:

- (a) apabila anda mendaftar minat anda untuk membeli produk, atau maklumat atau pertanyaan atau kemas kini melalui panggilan telefon, e-mel atau pertemuan secara bersemuka;
 - (b) apabila anda mendaftar atau mengemaskini profil dalam talian atau apabila anda melengkapkan atau mengemaskini maklumat anda dengan kami;
 - (c) apabila anda mengemukakan borang dan/atau dokumen kepada kami yang berkaitan dengan produk dan/atau perkhidmatan kami serta produk dan/atau perkhidmatan oleh pembekal perkhidmatan pihak ketiga;
 - (d) apabila anda memasuki sebarang urusan niaga dengan kami;
 - (e) apabila anda membuat pembayaran yang berkaitan dengan sebarang urusan niaga dengan kami;
 - (f) apabila anda melawat premis kami atau berinteraksi dengan kakitangan kami;
 - (g) dari keutamaan peribadi anda melalui penggunaan laman web kami;
 - (h) apabila anda menghadiri atau mengambil bahagian dalam sebarang pertandingan, acara, penyelidikan pasaran dan kaji selidik yang dianjurkan oleh kami;
 - (i) apabila anda mengemukakan permohonan kerja kepada kami; dan
 - (j) dari maklumat yang diperolehi secara bebas oleh kami daripada sumber-sumber lain yang sah seperti agensi pelaporan kredit seperti CTOS atau sumber awam.
- 3.2 Sekiranya Data Peribadi diminta oleh kami, anda mempunyai pilihan untuk tidak menyediakan maklumat tambahan selain daripada maklumat yang dinyatakan sebagai perlu untuk memudahkan urusan niaga komersial. Jika Data Peribadi yang diberikan tidak lengkap atau persetujuan anda atau persetujuan daripada mana-mana Orang Berkaitan yang diberikan di sini ditarik balik, kami tidak akan dapat menyediakan produk dan perkhidmatan kami kepada anda dan/atau memenuhi sebarang permintaan anda untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas.

4. Tujuan Pengumpulan dan Pemprosesan Data Peribadi

- 4.1 Kami boleh mengumpul, menggunakan, mendedahkan atau memproses Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut:
- (a) mempertimbangkan dan memproses permohonan anda untuk dan menyediakan anda dengan produk dan/atau perkhidmatan kepada anda;
 - (b) memudahkan, melaksanakan dan/atau memformalkan sebarang urusan niaga dengan kami;
 - (c) memproses sebarang pembayaran yang berkaitan dengan sebarang urusan niaga dengan kami;
 - (d) menjawab pertanyaan, permintaan dan/atau aduan;
 - (e) memudahkan program kesetiaan pelanggan kami;
 - (f) mengemaskini Data Peribadi anda;
 - (g) memudahkan penyertaan anda dalam pertandingan dan acara kami;
 - (h) melaksanakan penyelidikan pasaran dan kaji selidik dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti produk dan / atau perkhidmatan kami;

- (i) memberikan anda maklumat, acara, program atau aktiviti yang berterusan, produk dan / atau perkhidmatan kami;
- (j) melaksanakan semakan kredit/dagangan dan semakan latar belakang lain terhadap anda dan jika berkenaan, mana-mana Orang Berkaitan dengan mana-mana agensi pelaporan kredit berdaftar pada bila-bila masa bagi tujuan memproses urus niaga dengan kami atau selama mana pembayaran yang tidak dibayar dan tertunggak dengan kami;
- (k) untuk tujuan penilaian kredit, semakan atau pelaporan dan menjalankan pengumpulan hutang atau membantu institusi-institusi lain berbuat demikian;
- (l) pencegahan dan pengesanan jenayah termasuk tanpa had kepada pencegahan, pengesanan dan pendakwaan pengubahan wang haram, kegiatan keganasan dan penipuan;
- (m) mematuhi undang-undang, peraturan, undang-undang tempatan, perintah, garis panduan dan / atau arahan yang berkenaan;
- (n) menguatkuasakan hak-hak undang-undang kami dan/atau mendapatkan nasihat undang-undang;
- (o) memudahkan urus niaga yang mungkin termasuk penggabungan, pengambilalihan atau jualan aset;
- (p) mematuhi dasar dan prosedur dalaman termasuk tanpa had kepada pengurusan risiko, perancangan produk, insurans, audit dan tujuan pentadbiran;
- (q) untuk semua tujuan sampingan yang berkaitan dengan penyediaan kemudahan termasuk penyediaan komputer, telekomunikasi dan perkhidmatan teknologi;
- (r) permohonan Sumber Manusia; dan/atau
- (s) sebarang tujuan lain yang berkaitan dengan mana-mana tujuan di atas.

5. Pendedahan Data Peribadi

5.1 Data Peribadi anda mungkin/akan didedahkan kepada pihak-pihak berikut:

- (a) mana-mana syarikat atau wakil dalam kumpulan syarikat kami;
- (b) pengarah, Pekerja diberi kuasa atau wakil kami;
- (c) pembekal perkhidmatan pihak ketiga atau ejen (termasuk tanpa had kontraktor, rakan kongsi perniagaan, juruaudit, peguam, perunding, syarikat insurans, pentadbir dan syarikat utiliti);
- (d) mana-mana agensi pelaporan kredit berdaftar di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010;
- (e) rakan kongsi perniagaan kami, pelabur, pemegang serah hak atau penerima pindahan untuk memudahkan urus niaga aset perniagaan (termasuk tanpa had kepada sebarang penggabungan, pengambilalihan atau jualan aset);
- (f) mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang;
- (g) mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau badan kawal selia; dan/atau
- (h) mana-mana pihak lain yang diberi kuasa dan persetujuan oleh anda.

- 5.2 Kami mungkin mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana atau semua pihak yang dinyatakan di atas yang mungkin berada di dalam atau di luar Malaysia.
- 5.3 Sebarang Data Peribadi yang telah anda dedahkan dan/atau berikan kepada kami akan disimpan untuk tempoh yang diperlukan bagi tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini, seperti yang dikehendaki oleh undang-undang. Sekiranya maklumat sedemikian dikekalkan, kami tidak perlukan lagi, kami akan mengambil langkah yang sepatutnya untuk memastikan maklumat tersebut dipadamkan dan/atau dimusnahkan.

6. Keselamatan Data Peribadi

- 6.1 Data Peribadi anda adalah penting bagi kami. Kami akan menyimpan dan memproses Data Peribadi anda secara selamat dan sulit.
- 6.2 Kami berusaha, di mana praktikal, untuk melaksanakan langkah-langkah keselamatan and prosedur yang sesuai mengikut PDPA dan peraturan yang berkaitan bagi mencegah sebarang pemprosesan yang tidak dibenarkan dan melanggar undang-undang Data Peribadi serta kehilangan, kehancuran atau kerosakan yang tidak sengaja terhadap Data Peribadi pada setiap masa.
- 6.3 Semua pihak ketiga tersebut dilarang daripada mendedahkan Data Peribadi anda kecuali untuk menyediakan perkhidmatan kepada kami dan mereka dikehendaki mengekalkan kerahsiaan Data Peribadi anda
- 6.4 Kami tidak mendedahkan Data Peribadi anda yang sensitif secara individu kepada pihak ketiga, tanpa kebenaran anda atau kecuali jika dikehendaki oleh PDPA atau undang-undang lain yang berkenaan.
- 6.5 Walaupun kami berusaha sehabis baik menjaga maklumat anda bagi menjamin Data Peribadi anda ketika menggunakan laman web kami, dengan ini diakui bahawa penggunaan internet tidak dijamin selamat dan oleh itu kami tidak dapat menjamin sepenuhnya keselamatan atau integriti sebarang Data Peribadi yang dipindahkan daripada anda atau kepada anda melalui internet.

7. Pengesahan dan Pembetulan Data Peribadi

- 7.1 Kami tidak perlu dikehendaki untuk mengesahkan ketepatan dan kelengkapan Data Peribadi yang anda berikan dan kami berhak untuk menganggap Data Peribadi yang anda berikan dengan tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.
- 7.2 Kami tidak akan bertanggungjawab atas sebarang ketidakupayaan dari pihak kami untuk menyediakan perkhidmatan kepada anda, jika anda gagal untuk memastikan bahawa Data Peribadi anda berikan kepada kami adalah lengkap dan tepat atau gagal untuk memberitahu kami tentang sebarang perubahan yang berkaitan dengan Data Peribadi tersebut.
- 7.3 Anda boleh, tertakluk kepada pembayaran yuran yang ditetapkan, sebarang sekatan undang-undang dan/atau syarat-syarat kontrak yang berkenaan dan jika diizinkan oleh undang-undang, meminta pembetulan Data Peribadi atau membataskan pemprosesan Data Peribadi tersebut pada bila-bila masa seterusnya dengan mengemukakan permintaan bertulis kepada kami.

8. Akses Data Peribadi anda

- 8.1 Tertakluk kepada pembayaran yuran yang telah ditetapkan, sebarang sekatan undang-undang dan/atau syarat-syarat kontrak yang berkenaan dan jika diizinkan oleh undang-undang, meminta secara bertulis untuk mengakses Data Peribadi anda.

9. Pengeluaran Persetujuan

- 9.1 Sekiranya anda ingin menarik balik persetujuan anda terhadap sebarang penggunaan atau pendedahan Data Peribadi anda oleh kami seperti yang dinyatakan dalam Notis ini, anda boleh merujuk kepada pembayaran yuran yang telah ditetapkan, sebarang sekatan undang-undang dan/atau syarat-syarat kontrak yang berkenaan dan jika diizinkan oleh undang-undang, memberitahu kami secara bertulis.

10. Perubahan kepada Notis ini

- 10.1 Dari semasa ke semasa, kami mungkin perlu atau dikehendaki untuk mengubah Notis ini bagi mematuhi atau selaras dengan perubahan undang-undang dan peraturan yang berkenaan serta operasi perniagaan atau polisi kami.
- 10.2 Notis sebarang semakan sedemikian akan diberikan di laman web kami atau melalui cara komunikasi lain yang dianggap sesuai. Bagi meneruskan hubungan anda dengan kami setelah sebarang pindaan telah diperkenalkan dan diterbitkan di laman web kami, anda dianggap telah menerima Notis ini seperti yang dipinda.

11. Pertanyaan atau maklum balas

- 11.1 Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau maklum balas berkaitan dengan Data Peribadi anda, atau jika anda ingin mengakses atau membetulkan atau mengehadkan pemprosesan Data Peribadi anda, atau jika anda ingin menarik balik persetujuan anda yang diberikan, anda boleh menghubungi atau memaklumkan kepada kami secara bertulis:

Alamat surat-menyurat : No. 16 & 17
Plaza Seri Kubu
Jalan Tan Chay Yan
75300 Melaka

Alamat e-mel : info@spb.my
Nombor telefon : 06 - 281 0003
Perhatian kepada : Sherry Lim

- 11.2 Jika pertanyaan anda berkaitan secara khusus dengan pematuhan terhadap PDPA, termasuk insiden pelanggaran data, kewajipan undang-undang, atau hak anda di bawah PDPA, anda juga boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data (Data Protection Officer, DPO) Syarikat kami:

Alamat surat-menyurat : No. 16 & 17
Plaza Seri Kubu
Jalan Tan Chay Yan
75300 Melaka

Alamat e-mel : info@spb.my
Nombor telefon : 06 - 281 0003 (Samb. 301)
Perhatian kepada : Lynnette Lim